

26 September 2016

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan,

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian Utama Persijilan RSPO Bagi TSH Resources Berhad, Kilang Kelapa Sawit Lahad Datu dan ladang sawit – Lahad Datu, Sabah, Malaysia**

TSH Resources Berhad (RSPO Membership No: 1-0173-14-000-00) telah melantik BSI untuk melaksanakan penilaian utama persijilan RSPO untuk Kilang Kelapa Sawit Genting Tanjung dan ladang-ladangnya. Penilaian akan dilaksanakan ke atas 1 kilang kelapa sawit dan 2 ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh syarikat berkenaan. Kilang kelapa sawit tersebut terletak di Lahad Datu, Sabah, Malaysia

BSI merancang untuk melakukan penilaian persijilan utama Kilang Kelapa Sawit Lahad Datu pada 1 hingga 3 November 2016. Penilaian utama akan diadakan menurut Interpretasi Nasional Malaysia RSPO P&C MYNI 2014 dan RSPO Supply Chain Certification Standard – CPO Mills: 21 November 2014. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian RSPO P&C. Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

<b>Kilang Kelapa Sawit Lahad Datu dan Ladang – Ladang</b>	
Nama kilang	Kilang Kelapa Sawit Lahad Datu
Kapasiti Kilang (mt/jam)	60 mt/jam
Lokasi	Lahad Datu, Sabah, Malaysia
Alamat	KM 48, Lahad Datu - Sandakan Highway 90200 Kinabatangan, Sabah, Malaysia
Rujukan GPS (Kilang Kelapa Sawit)	118°2' 34.69" E, 5°19' 29.1" N
Pengeluaran CPO (Anggaran 2016) (MT)	35,275 mt
Pengeluaran PK (Anggaran 2016) (MT)	8,500 mt
Pengeluaran FFB (Anggaran 2016) (MT)	170,000 mt

<b>Ladang</b>	<b>Rujukan GPS</b>	<b>Kawasan Matang (Ha)</b>	<b>Kawasan Belum Matang (Ha)</b>	<b>Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)</b>	<b>Anggaran Pengeluaran FFB (MT)</b>
Ong Yah Ho	118°2' 34.7"E, 5°19' 29.1"N	1,905.38	0	2,000	57,160
Gomantong	118°0' 23.8"E, 5°19' 35.8"N	895.00	52	1,007	22,000
<b>TOTAL</b>		<b>2,800.38</b>	<b>52</b>	<b>3,007</b>	<b>79,160</b>

BSI adalah pembekal penilaian dan pensijilan sistem pengurusan global terkemuka, dengan lebih dari 60,000 lokasi yang diiktiraf dan pelanggan di lebih dari 100 buah negara. Piawai BSI adalah sebuah Badan Piawai Kebangsaan United Kingdom. BSI Group adalah pembekal pensijilan pihak ketiga yang bebas yang telah mempunyai akreditasi untuk persijilan RSPO melalui pejabat di Malaysia dan pejabat urusan di Indonesia, Singapura, Thailand dan Australia. Pasukan audit dari BSI yang akan melaksanakan audit penilaian utama di Kilang Kelapa Sawit Lahad Datu dan ladang-ladangnya terdiri daripada:

**En. Hafriazhar Mohd Mokhtar** sebagai Ketua Juruaudit (Penilaian kriteria "Supply Chain" di kilang, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Aspek Undang-Undang dan Alam Sekitar); **En. Mohd Hafiz Mat Hussain** sebagai Juruaudit (Amalan Pertanian Terbaik di Ladang dan Kilang Kelapa Sawit, Aspek undang-undang, HCV dan Sosial);

**En. Suresh Kumar Muniandy** sebagai juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran).

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau orang perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan. Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Komen-komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan ini hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini. Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama: .....  
Alamat: .....  
Email: .....  
Nombor Telefon: .....  
Nombor Faks: .....

Jika komen-komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

**Pengurus Skim RSPO**

Mr. Nicholas Cheong  
BSI Services Malaysia Sdn Bhd  
Unit 10-03, Level 10, Tower A  
The Vertical Business Suites  
Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur Malaysia  
Fax : +603-2242 4218  
Email : [Nicholas.Cheong@bsigroup.com](mailto:Nicholas.Cheong@bsigroup.com)

**DAN/ATAU****Auditee:**

Ms. Kalaivani Thiagarajah  
Quality Manager  
TSH Resources Berhad  
Jalan Apas & Bangunan TSH, TB9, KM 7  
91000 Tawau  
Sabah, Malaysia  
Fax : +089 913 000  
Email : [kalaivani@tsh.com.my](mailto:kalaivani@tsh.com.my)

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang benar,



.....  
Nicholas Cheong  
Pengurus Skim RSPO